

# FTA: Masih ada ruang jalin kerjasama

UM-20/3/2007

KUALA LUMPUR 19 Mac - Rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) antara Malaysia dan Amerika Syarikat (AS) perlu diteruskan kerana terdapat banyak ruang untuk kedua-dua negara menjalin kerjasama, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Beliau berkata, walaupun kerajaan memutuskan terdapat perkara yang tidak boleh dikompromi seperti agenda bumiputera dan hak kedaulatan negara, ia tidak harus menjadi penghalang kepada Malaysia dan AS mencapai kata sepakat.

"Cuma perkara yang tidak boleh dikompromi ini kita jadikan sebagai satu garis panduan untuk memastikan ia tidak dilangkahi ketika rundingan dijalankan. Yang memberi manfaat dan mampu menambah baik kepada sistem penyampaian, kita sedia berunding.

"Apabila ada permintaan dari sebuah negara seperti Amerika Syarikat yang pada asasnya boleh membuat penambahbaikan kepada sistem penyampaian sedia ada tidak salah kita mengkaji dan kemudian menerimanya.

"Banyak pihak mengetahui Malaysia merupakan sebuah negara yang sedia menerima apa jua permintaan asalkan ia mampu menambah baik sistem yang ada," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Keempat, Parlimen ke-11 di Dewan Rakyat, hari ini.

Rafidah berkata, langkah kerajaan menubuhkan unit khas melindungi hak cipta intelek melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna adalah antara contoh terbaik bagaimana Malaysia sedia mendengar pendapat beberapa negara yang mempunyai kepentingan perdagangan di negara ini.